

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

ATP301 - Perakaunan Pengurusan

Tarikh: 17 April 1987

Masa: 2.45 ptg - 5.45 ptg
(3 Jam)

JAWAB EMPAT SOALAN SAHAJA.

Soalan 1

- (a) Syarikat Konos menjual 100,000 unit barangannya pada harga \$20 seunit. Kos boleh ubah ialah \$14 seunit (kos pengilangan \$11 dan kos jualan \$3). Kos tetap berjumlah \$792,000 setahun (kos pengilangan \$500,000, kos jualan \$292,000). Tidak ada inventori barangan pada permulaan dan akhir tahun.

Dikehendaki:

- (i) Kirakan titik pulang modal (unit dan \$) bagi barangan ini.
- (ii) Berapakah jumlah unit barangan yang perlu dijual untuk memperolehi pendapatan (sebelum cukai) \$60,000 setahun?
- (iii) Jika kadar cukai pendapatan 40% dikenakan, berapa unit barangan perlu dijual untuk memperolehi pendapatan \$90,000 setahun?
- (iv) Jika kos buruh ialah 50% daripada kos boleh ubah dan 20% daripada kos tetap, kirakan titik pulang modal (unit) bila 10% kenaikan gaji dan upahan dialami.

(15 markah)

...2/-

- 2 -

- (b) Maklumat-maklumat yang diberikan di bawah ini berhubung dengan syarikat anda yang mempunyai 3 bahagian - A, B dan C.

Bahagian A perlu membeli sejenis komponen bagi pengeluaran barangannya. Harga di pasaran ialah \$200.

Bahagian B yang beroperasi di tahap kapasiti penuh boleh membekal komponen ini kepada bahagian A atau pembeli luar pada harga pasaran yang sama. Kos bagi Bahagian B untuk membekal pesanan daripada bahagian A atau pembeli luar ialah \$140

Satu pembekal luar telah menawar untuk menjual komponen ini kepada bahagian A pada harga pasaran. Sementara itu pembekal ini akan membeli bahan mentah daripada bahagian C pada harga \$30.

Bahagian C masih ada kapasiti operasi dan kos untuk membekal bahan mentah itu ialah \$16.

Dikehendaki:

- (i) Kirakan faedah atau kos bersih kepada syarikat anda bila bahagian A membeli komponen tersebut daripada pembekal luar pada harga pasaran iaitu tidak membeli dari bahagian B pada harga pasaran.
- (ii) Berapakah sepatutnya harga pindahan minima komponen tersebut mengikut hukum am yang anda pelajari.

(10 markah)

Soalan 2

- (a) Syarikat Minden mengilang sejenis barangan yang melalui dua pusat memproses, A dan B. Semua bahan yang diperlukan dimasukkan pada permulaan proses di pusat A. Data bagi bulan Mac untuk pusat A adalah seperti berikut:

...3/-

	<u>Unit</u>	<u>Peratusan</u>		<u>Bahan</u>	<u>Buruh</u>	<u>Overhed</u>
		<u>Siap</u>				
Kerja berjalan mula	4,000	60%		\$1,800	\$1,400	\$2,800
Dimula- kan dalam bulan Mac	38,000	-				
Dipindah- kan ke pusat B	36,000	100%				
Kerja berjalan akhir	6,000	50%				
Kos berlaku dalam bulan Mac				\$19,200	\$23,950	\$47,900

Syarikat Minden menggunakan kaedah kos purata untuk mengekos barangannya. Peratusan siap yang ditunjukkan berhubung dengan buruh dan overhed.

Dikehendaki:

Sediakan satu laporan kos pengeluaran pusat memproses A bagi bulan Mac.

(15 markah)

...4/-

- (b) Belanjawan jualan Syarikat Zel bagi bulan Jun hingga Ogos adalah seperti berikut:

	<u>Jun</u>	<u>Julai</u>	<u>Ogos</u>
Jualan kredit	\$150,000	\$160,000	\$170,000
Jualan tunai	20,000	21,000	22,000
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Jumlah jualan	\$170,000	\$181,000	\$192,000
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

Semua barangniaga dijual pada 125% daripada kos invois. Inventori mula barangniaga bagi sesuatu bulan berjumlah 30% daripada kos barang dijual untuk bulan itu.

Dikehendaki:

- (i) Tentukan kos barang dijual yang dijangka bagi bulan Jun.
- (ii) Tentukan belian barangniaga yang dijangka bagi bulan Julai.

(10 markah)

Soalan 3

- (a) Kos piawai Syarikat DNS adalah seperti berikut:

Bahan langsung	-	tiga paun @ \$3 sepaun, iaitu \$9 seunit keluaran.
Buruh langsung	-	tiga puluh minit @ \$12 sejam, iaitu \$6 seunit keluaran.
Overhed boleh ubah	-	66 2/3 peratus daripada kos buruh langsung, iaitu \$8 sejam.

Kos dan input sebenar berlaku adalah seperti berikut:

Bahan Langsung

Jumlah kos sebenar	-	\$210,000
Input (paun)	-	75,000
Harga sepaun	-	\$2.80

...5/-

Buruh Langsung

Jumlah kos sebenar	-	\$166,050
Input (jam)	-	13,500
Kadar sejam	-	\$12.30

Dikehendaki:

- (i) Kirakan seberapa banyak varian yang boleh didapati dari maklumat di atas.
- (ii) Bagaimanakah agaknya varian-varian overhead (boleh ubah) boleh berlaku?

(15 markah)

- (b) Bincangkan pendekatan pengkosan serapan dan pengkosan variabel. Berikan hujah-hujah yang menyokong dan membangkang penggunaan pengkosan variabel.

(10 markah)

Soalan 4

- (a) Syarikat Bel-Mo sedang menilai satu cadangan pembelanjawan modal. Data-data yang berkenaan adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Nilai Kini Bagi Anuiti \$1 @ 15%</u>
1	\$0.870
2	1.626
3	2.284
4	2.856
5	3.353
6	3.785

Pelaburan asal akan berjumlah \$30,000. Aset ini akan disusutnilaika secara garis lurus selama 6 tahun tanpa sebarang nilai sisaan. Pelaburan ini akan menjimatkan aliran keluar wang tunai tahunan sebanyak \$10,000 setahun. Kadar cukai Syarikat Bel-Mo ialah 40 peratus manakala kadar

...6/-

pulangan yang dikehendaki atas pelaburan ialah 15 peratus. Semua aliran tunai berlaku pada akhir tahun.

Dikehendaki:

- (i) Berapakah kadar pulangan perakaunan (selepas cukai) cadangan pembelanjawan modal ini?
- (ii) Berapakah tempoh bayar balik (selepas cukai) cadangan pembelanjawan modal ini?
- (iii) Berapakah nilai kini bersih cadangan pembelanjawan modal ini?
- (iv) Berapakah indeks nilai kini cadangan pembelanjawan modal ini?
- (v) Berapakah yang perlu dilabur oleh Syarikat Bel-Mo lima tahun lalu pada 15 peratus di kompaun setiap tahun supaya boleh mendapat \$30,000 sekarang.

(15 markah)

- (b) Syarikat Amex bercadang untuk memperkenalkan barangan baru yang akan diproses di lojinya yang ada sekarang. Bagaimanapun, satu peralatan baru berharga \$150,000 dan berusia 5 tahun (tiada nilai sisaan) akan diperlukan. Ruang loji yang hendak digunakan untuk memproses barangan baru ini digunakan sebagai gedung buat masa ini. Dari itu Amex terpaksa menyewa satu gedung lain pada harga \$25,000 setahun. Kajian perakaunan menunjukkan hasil dan belanja inkremental purata tahunan berkaitan dengan pengenalan barangan itu seperti berikut:

Jualan	\$500,000
Kos barang dijual (tidak termasuk susutnilai)	\$385,000
Susutnilai peralatan (garis lurus)	\$ 30,000
Belanja pemasaran	\$ 10,000

...7/-

- 7 -

Syarikat Amex menghendaki projek-projek pelaburannya memperolehi kadar pulangan perakaunan 11% (selepas cukai) atas pelaburan purata. Kadar cukai Syarikat Amex ialah 46%; abaikan nilai masa mata wang.

Dikehendaki:

Tentukan pendapatan lebih tahunan (berkaitan dengan barangan baru) Syarikat Amex.

(10 markah)

Soalan 5

- (a) Syarikat Sungai Dua (SSD) bercadang untuk mengeluarkan barangan baru - ubat gigi bagi penghisap rokok. Ubat gigi ini akan dijual di dalam tiub, seperti ubat gigi yang lain, kepada pemborong-pemborong pada harga \$8 sekotak (satu kotak mengandungi 24 tiub). Oleh kerana kapasiti operasinya masih ada, SSD tidak akan mengalami tambahan belanja-belanja tetap untuk pengeluaran ubat gigi ini. Bagaimanapun, \$100,000 caj tetap akan diperuntukkan kepada barangan baru ini sebagai bahagiannya bagi kos tetap yang ada sekarang.

Dengan menggunakan anggaran jualan dan pengeluaran sebanyak 100,000 kotak sebagai volum piawai, jabatan perakaunan SSD telah menyediakan kos-kos seperti berikut:

Buruh langsung	\$2.00/kotak
Bahan langsung	\$3.00/kotak
Jumlah Overhed	\$1.50/kotak
Jumlah:				<u>\$6.50/kotak</u> =====

...8/-

Sebuah firma membuat tiub-tiub kosong telah menawarkan untuk menjual tiub-tiub kepada SSD pada harga \$0.90/24 tiub. Jika tawaran ini diterima, dianggarkan yang kos buruh langsung dan overhead boleh ubah akan dapat dikurangkan sebanyak 10 peratus sementara kos bahan langsung dapat dikurangkan 20 peratus.

Dikehendaki:

- (i) Adakah SSD patut membuat atau membeli sahaja tiub-tiub kosong?
- (ii) Berapakah harga maksima yang boleh diterima oleh SSD bagi tiub-tiub tersebut jika ia membelinya?
- (iii) Satu anggaran baru menunjukkan volum jualan sebanyak 125,000 kotak. Pada paras pengeluaran ini, peralatan tambahan perlu disewa pada kadar \$10,000 setahun. Bagaimanapun, kos inkremental ini sahaja yang diperlukan sebagai tambahan kepada kos tetap walaupun pengeluaran meningkat ke 300,000 kotak (300,000 kotak adalah volum jualan yang disasar bagi tahun ketiga). Dalam keadaan ini patutkah SSD membuat atau membeli tiub-tiub itu?
- (iv) SSD boleh membuat dan pada masa yang sama membeli tiub-tiub. Bagaimana jawapan anda bagi soalan (iii) jika alternatif ini dipertimbangkan.
- (v) Apakah faktor-faktor bukan kuantitatif yang perlu diambilkira untuk menentukan sama ada tiub-tiub dibuat sendiri atau dibeli.

(15 markah)

- (b) Berbagai-bagai perisian lambaran kerja elektronik boleh didapati pada masa ini. Salah satu daripadanya ialah Lotus 1-2-3. Kenapakah agaknya anda, sebagai seorang akauntan pengurusan, turut menggunakan perisian Lotus 1-2-3? (Jawapan anda perlulah jelas dan khusus; tidak mencukupi dengan hanya mengatakan yang ia "menyenangkan" atau "menjimatkan masa").

(10 markah)